



PIHAK berkuasa perlu mengkaji kesesuaian konsert K-Pop diadakan di negara ini.

Tonjol ekspresi kasih sayang

Melahirkan rasa marah dan benci di atas kontroversi kumpulan K-Pop itu perlu ada tetapi ia harus disampaikan dengan cara berhemah dan berhikmah.

Oleh HAIKAL RAMAN
haikal.raman@kosmo.com.my

NEGARA kita digemparkan dengan kontroversi berpelukan antara ahli kumpulan K-Pop, BIA4 dengan peminat wanita Islam bertudung pada konsert di Life Centre, Bukit Bintang minggu lalu.

Kumpulan yang terdiri daripada lima jejaka dari Korea Selatan itu bertandang ke negara ini untuk menjayakan konsert *BIA4 Live in Kuala Lumpur* di bawah penganjuran TMG Events.

Bagaimanapun, tingkah laku mereka dianggap mengaibkan kerana berlaku di hadapan khalayak ramai dalam sebuah konsert besar itu. Pelbagai pihak mengancam selepas video rakaman tersebut dimuat naik menerusi YouTube dan tersebar melalui laman media sosial sehari selepas itu.

Pensyarah Psikologi Dakwah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr. Fariza Md. Sham berkata, daripada sudut psikologi, lazimnya mangsa akan berasa malu dengan apa yang berlaku tambahan pula ia sudah tersebar secara meluas.

"Pastinya mereka berasa kurang yakin dan malu untuk berhadapan dengan masyarakat berikutan terlibat dalam insiden yang bertentangan itu. Penerimaan negatif orang sekeliling bagaikan menjadi tembok penghalang bagi memulakan langkah kehidupan seperti biasa," ujarnya.

Video berdurasi tiga minit 21 saat itu merakamkan aksi panas yang berlaku dalam segmen khas lakonan parodi yang disediakan antara peminat bersama ahli kumpulan tersebut semasa konsert berlangsung.

Perasaan marah timbul disebabkan tingkah laku remaja terbabit bukan sahaja bertentangan dengan norma masyarakat Melayu tetapi ia ditegah oleh agama.

Berita itu digemparkan berikutan penampilan wanita yang berhijab,

sekali gus menjurus kepada ikon agama Islam itu sendiri sehingga 'pemerhati siber' tidak mengambil kira tentang kematangan usia serta tahap kefahaman ilmu agama empat individu terbabit.

Melihat dari sudut psikologi, empat remaja wanita itu sudah tentu dibelenggu tohmahan dan cemuhan masyarakat mahupun dalam kalangan peminat tegar K-Pop sendiri atas kesilapan mereka.

Pada masa sama, sindrom kemurungan disebabkan depresi terlampau turut memberi kesan buruk kepada mereka yang merujuk pada perasaan sedih yang dialami.

Bagaimanapun, ia boleh ditangani dengan beberapa kaedah psikologi bagi menghindarkannya daripada terus melarat. Dalam perkara ini, ibu bapa dan para kaunselor perlu bergerak secara kolektif untuk memberi sokongan kepada mereka.

Nasihat

Jelas Fariza, nasihat dan ekspresi kasih sayang perlu ditunjukkan kepada mereka. Secara tidak langsung, kaedah itu menimbulkan rasa ketenangan dalam diri selain membuka ruang untuk mereka berfikir secara rasional bagi menyusun semula kehidupan dalam hubungan sosial masyarakat.

"Kita tidak seharusnya berterusan memarahi sehingga menakung rasa tertekan dalam diri mereka di media sosial selepas insiden tersebut. Langkah proaktif dalam mengembalikan semangat perlu dipraktikkan," katanya.

Meskipun dalam isu ini, respons masyarakat dalam mengkritik tindakan tidak senonoh empat individu itu tidak seharusnya diketepikan. Melahirkan rasa marah dan benci atas perbuatan tersebut perlu ada tetapi harus disampaikan dengan cara berhemah serta berhikmah.

Fariza memberitahu, tekanan berpunca daripada perbuatan tersebut bukan hanya memberi impak pada gadis itu malah ibu bapa, negara dan agama Islam itu sendiri khususnya.

"Sejak kebelakangan ini, timbul 'serangan' terhadap agama Islam. Ancaman persepsi serong terhadap kita berhubung kes *Charlie Hebdo* di Paris, isu penglibatan Islamic State

(IS) dan beberapa lagi konflik telah mencalarakan kredibiliti Islam.

"Pihak berkuasa perlu melakukan pemantauan lebih serius acara-acara yang bakal berlangsung di sini. Kita harus mengambil iktibar insiden hitam di Stadium Bukit Jalil pada Mac tahun lalu apabila enam individu mati akibat pengambilan dadah berlebihan," ujar Fariza.

Ada golongan berpendapat, pihak penganjur wajar mematuhi garis panduan dan memaklumkan kepada artis antarabangsa mengenai adat budaya sesebuah negara.

Tegas

Walaupun dalam kenyataan TGM Events mendakwa mereka telah mendapatkan kebenaran daripada peminat wanita termasuk empat gadis Islam berkenaan untuk melakukan adegan itu, mereka seharusnya mengambil langkah yang tegas pada panduan yang dikeluarkan.

Ini kerana mungkin individu terbabit tidak terkawal dengan perasaan teruja ketika berpeluang bertemu artis pujaan mereka. Maka, menjadi tanggungjawab penganjur untuk meletakkan had tersebut.

Sementara itu, komposer tersohor negara, Edry Abdul Halim berkata, ramai peminat K-Pop terlalu taksud dengan kumpulan itu kerana pakej lengkap yang mereka miliki.

"Penampilan menjadi keutamaan bagi mereka dan ini telah menarik minat gadis-gadis di Malaysia dan pastinya muzik bergenre rancak mengangkat keunikan dalam diri dan penyampaian artis Korea itu sendiri.

"Berkulit mulus, berwajah tampan, bersuara lunak dan penampilan bergaya berjaya membuat peminat terpuak selain menjadikan mereka sebagai idola. Bagaimanapun, rakyat Malaysia tidak sewajarnya terlalu obses dan perlu meletakkan satu had," katanya.

Sehubungan insiden ini, pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan memanggil gadis tersebut untuk tampil membantu siasatan yang menjurus kepada peruntukan Seksyen 29 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) iaitu perbuatan tidak sopan di tempat awam.

Jika sabit kesalahan, individu terbabit akan didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.



FARIZA



EDRY



RENTETAN kejadian di atas pentas ketika konsert BIA4 yang mengundang kontroversi.

